

# Pembangkok tidak berhak campur tangan

UM 21 JUN 2001

KUALA LUMPUR 20 Jun — Datuk Seri Rafidah Aziz menepelak parti-parti pembangkang yang cuba membuat gesaan supaya kepimpinan kerajaan ditukar padahal mereka tidak ada hak untuk campur tangan dalam urusan parti pemerintah.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO itu berkata, sepanjang pengetahuannya pemimpin kerajaan pada masa ini diterima oleh ahli-ahli dan rakyat.

"Pembangkok tidak berhak mempersoalkan kepimpinan kerajaan yang ditunjangi oleh UMNO. Mereka tidak memimpin parti yang memerintah, jadi jangan masuk campur.

"Ikut proses demokrasi, kalau parti kita yang memenangi pilihan raya, kita berhak memilih pemimpin kita, Perdana Menteri dan jawatan kabinet," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita asing pada sidang media selepas menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Wanita UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Ditanya sama ada tindakan tegas Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberantas politik wang dalam parti itu mendapat sokongan ahli, Rafidah berkata:

"Ya. Sudah tentu. Anda

boleh bercakap dengan akar umbi."

Rafidah menegaskan hanya ahli yang ada agenda tersendiri sahaja yang menentang tindakan pembersihan yang dipelopori oleh Perdana Menteri itu.

"Mereka tidak bersetuju dengan tindakan Presiden kerana mungkin mendapati *bread cannot be buttered*. Tetapi orang yang ada agenda sendiri ini lama-lama akan menunjukkan belang," katanya.

## Kolektif

Bagi kebanyakan ahli, beliau pasti semuanya gembira dengan kepimpinan UMNO yang kolektif dalam menangani masalah politik wang dalam parti.

Ditanya sejauh mana seriusnya gejala politik wang dalam UMNO Rafidah merasakan ia tidak begitu besar.

Bagaimanapun memandangkan sudah ada tanda menunjukkan gejala itu semakin menular, tegasnya parti terpaksa mengambil langkah berwaspada dengan memberi penekanan mengatasinya.

"Kenapa penting sangat menjadi ketua, mungkin sesetengah orang merasakan akan dapat sesuatu daripadanya, itu agenda peribadi.

"Sesetengah orang tidak penting jawatan sebab itu kalah atau menang tak

menjadi hal, sebab agenda parti tidak semestinya memegang jawatan," katanya.

Beliau memberi contoh 600 perwakilan Wanita UMNO hari ini tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan tetapi tetap memberi sokongan kepada parti.

"Ada orang yang masuk UMNO kerana agenda peribadi, sebab tak dapat apa yang dikehendaki menyertai pembangkang atau kekal dalam parti dan menjadi seperti gunting dalam lipatan.

"Orang seperti inilah yang merosakkan parti," katanya.

Beliau mengakui sebagai manusia memang ada perasaan kecewa apabila seseorang itu gagal menjawat kedudukan, tetapi Rafidah mengingatkan jangan izinkan kekecewaan itu mengesakan.

"Macam saya sendiri pernah merasa sendiri kalah, ikut hati lantaklah Wanita UMNO tetapi jangan ikut hati buruk," ujarinya.

Beliau menegaskan ahli UMNO perlu mengutamakan parti dalam tindakan mereka kerana orang Melayu tidak akan sampai ke tahap sekarang tanpa parti itu.